



PERTANDINGAN VIDEO KREATIF TVET@KPLB 2019
PERINGKAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

A. MAKLUMAT AM

1. Pertandingan video kreatif TVET@KPLB bertujuan untuk mempromosikan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan TVET@KPLB kepada rakyat Malaysia.
2. Slogan pertandingan ini ialah “**TVET Peneraju Kesejahteraan Belia**” yang membawa mesej kejayaan warga belia yang lahir dari Institusi Pendidikan TVET@KPLB.
3. **Objektif pertandingan** adalah untuk:
 - i. Memperkenalkan TVET@KPLB kepada orang awam terutama para pelajar sekolah menengah yang akan melanjutkan pengajian selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - ii. Menyampaikan mesej kebaikan program TVET kepada orang awam;
 - iii. Memberi peluang kepada pelajar dari Institusi Pendidikan TVET@KPLB untuk mengetengahkan bakat dan kreativiti dalam bidang videografi/ fotografi; dan
 - iv. Melihat perspektif orang awam terhadap program TVET@KPLB.



B. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

I. Maklumat Pertandingan

1. Pertandingan bermula dari **14 April 2019** hingga **14 Jun 2019**.
2. Tema bagi pertandingan ini ialah **PENDIDIKAN TVET**.
3. Penyertaan hendaklah memaparkan **mesej** berkaitan **program/ aktiviti TVET** serta **kejayaan/ pengiktirafan** yang diterima oleh **Institusi Pendidikan TVET agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)** iaitu:
 - i. Institut Kemahiran MARA (IKM);
 - ii. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM);
 - iii. MARA Japan Industrial Institute;
 - iv. GIATMARA;
 - v. German-Malaysian Institute (GMI);
 - vi. Universiti Kuala Lumpur (UniKL);
 - vii. Kolej KEDA;
 - viii. Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH);
 - ix. Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng; dan
 - x. Akademi Kemahiran KEMAS Sri Iskandar.
4. Peserta tidak dibenarkan untuk memaparkan institusi masing-masing sahaja.



5. Hadiah pertandingan adalah seperti berikut:
Tempat Pertama : RM 5,000.00
Tempat Kedua : RM 3,000.00
Tempat Ketiga : RM 2,000.00
6. Penilaian produksi adalah berdasarkan kepada aspek **sinematografi, skrip, mesej yang disampaikan** dan **mematuhi tema** yang ditetapkan.
7. Borang penyertaan, maklumat lanjut dan info terkini boleh dimuat turun di laman web KPLB iaitu <http://www.rurallink.gov.my/en/tvetkplb-2/>

II. Kelayakan Pertandingan

1. Terbuka kepada **SEMUA PELAJAR** yang sedang menuntut di mana-mana Institusi Pendidikan TVET agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
2. Penyertaan adalah secara **INDIVIDU** atau **BERKUMPULAN (tidak melebihi 5 orang)**.
3. Urus setia, kakitangan dan ahli keluarga terdekat pihak penganjur **tidak layak** menyertai pertandingan ini.

III. Terma Pertandingan



1. Penyertaan hendaklah dikemukakan kepada urus setia mulai **14 April 2019** hingga **14 Jun 2019** sahaja. Penyertaan yang diterima sebelum dan selepas tarikh tersebut akan **ditolak**.
2. Semua **penghantaran Borang Penyertaan (LAMPIRAN A & B) WAJIB disahkan (cop rasmi)** oleh **Institusi Pendidikan** masing-masing. Borang penyertaan yang dikemukakan tanpa cop rasmi pengesahan Institusi Pendidikan masing-masing akan **ditolak**.
3. **Durasi** video hendaklah **tidak melebihi tiga (3) minit**.
4. **Logo TVET@KPLB** beserta **hashtag TVET@KPLB (#TVET@KPLB)** wajib dipaparkan di dalam video yang dihantar.
5. Video yang dihasilkan hendaklah mempunyai **slogan** yang ditetapkan dan mempunyai unsur-unsur **mempromosikan Program/ Aktiviti TVET@KPLB**.
6. Kos penyediaan video adalah **ditanggung sepenuhnya oleh peserta**.
7. **Dua (2) salinan cakera padat (CD)** dan **Borang Penyertaan** perlu dikemukakan bagi setiap penyertaan. Salinan cakera padat (CD) yang dihantar tidak akan dikembalikan.



8. Setiap produksi hendaklah **tidak memaparkan isu-isu sensitif atau kontroversi** dari segi budaya, kaum, agama, politik, isu-isu perundangan dan Perlembagaan Persekutuan.
9. Setiap produksi haruslah **karya asal** peserta sendiri dan tidak pernah memenangi anugerah dalam mana-mana pertandingan/ festival filem/ video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
10. Penyertaan akan **dibatalkan** dan **hadiah-hadiah yang diterima akan ditarik balik** sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan **tidak asli/ diciplak**.
11. Format produksi hendaklah **memenuhi kehendak kualiti HD** dengan resolusi sekurang-kurangnya 720i dan suara berkualiti stereo.
12. Pihak penganjur berhak menolak **penyertaan yang tidak lengkap dan lewat diterima**.
13. Hakcipta produksi adalah **milik penganjur sepenuhnya**. Peserta mestilah membenarkan pihak penganjur menggunakan produksi tersebut.
14. Peserta perlu menandatangani borang khas mengenai persetujuan penyerahan hak cipta kepada penganjur.



15. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
16. Peserta **WAJIB** mempromosikan video masing-masing melalui salah satu laman media sosial seperti berikut:
- i. YouTube/ Vimeo;
 - ii. Facebook; atau
 - iii. Instagram.
 - iv.

Keutamaan akan diberikan jika video peserta mencapai tahap tontonan/ *Like* seperti berikut:

Laman	Target
YouTube/ Vimeo	Mendapat jumlah tontonan oleh 100,000 dan ke atas
Facebook	Mendapat jumlah Like daripada 5,000 orang
Instagram	Mendapat jumlah Like daripada 5,000 orang

Jumlah tontonan dan Like diambil kira sehingga jam 11.59 tengah malam 14 Jun 2019 sahaja.

17. Pemenang akan dihubungi melalui **telefon** atau **emel**. Walau bagaimanapun pihak penganjur mempunyai hak untuk tidak memilih pemenang dalam kalangan peserta yang bertanding sekiranya panel penilai/ juri profesional memutuskan bahawa tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang.
18. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**.

IV. Pertanyaan/ Maklumat Lanjut



Sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut sila hubungi:

a) Encik Mohd Ashraf Hamdi bin Saad

Tel : 03-8891 2213

E-mel : ashraf.saad@rurallink.gov.my

b) Cik Najihah binti Mohd Taupik

Tel : 03-8891 2220

E-mel : najihah@rurallink.gov.my

c) Cik Nor Asmalina binti Safiee

Tel : 03-8891 2231

E-mel : asmalina@rurallink.gov.my

Sekian, terima kasih.

**Bahagian Pelaburan dan Kawal Selia Anak Syarikat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

SENARAI SEMAK PENYERTAAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Borang Penyertaan: Lampiran A Lampiran B	
2.	Cop pengesahan pada borang penyertaan: Lampiran A Lampiran B	
3.	2 salinan cakera padat (CD) mengandungi video	